

MAHATHIR-HARUN
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 15 OGOS (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PENDAPATNYA BELUM DIMINTA MENGENAI PENGAMPUNAN PENUH UNTUK BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HARUN IDRIS.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMBERIAN PENGAMPUNAN ADALAH HAK MUTLAK YANG DI-PERTUAN AGONG DAN +OLEH ITU, SAYA TIDAK BOLEH BERKATA APA-APA.+

+SOAL SAMADA SAYA AKAN MENGUMUMKAN PENGAMPUNAN ITU TIDAK TIMBUL KERANA BUKANNYA SAYA YANG MEMBERIKAN PENGAMPUNAN ITU,+ BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SIMPOSIUM SEHARI MIC MENGENAI SIKAP-SIKAP BARU UNTUK KEPIMPINAN DI SINI.

AKHBAR-AKHBAR TELAH MEMBUAT SPEKULASI BAHAWA DATUK HARUN, YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO, AKAN DIBERI PENGAMPUNAN BERSAMA 1,500 ORANG BANDUAN LAIN DALAM BATU PENGAMPUNAN AM PADA HARI KEBANGSAAN.

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA SEHINGGA HARI INI, BELIAU TIDAK TAHU MENAHU MENGENAI PERKARA TERSEBUT. -- LAGI 1506/AZ

B560:

MAHATHIR-HARUN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA ENGGAN MEMBERI ULASAN MENGENAI LAPORAN-LAPORAN YANG MENGATAKAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN TELAH DINASIHATKAN SUPAYA MELETAKKAN JAWATAN TIDAK LAMA LAGI.

+SAYA HANYA MEMBACANYA DI AKHBAR-AKHBAR -- ANDA PATUT LEBIH BERFIKIR KE HADAPAN.+

+BILA KAMI BARU HENDAK BERFIKIR, AKHBAR-AKHBAR TELAH PUN MEMBUAT RAMALAN,+ KATANYA SAMBIL BERJENAKA.

DATUK MOKHTAR, 40, TELAH DITUDUH BERSAMA EMPAT ORANG LELAKI LAIN, MEMBUNUH BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMBILAN, DATUK TANA TALIB. BELIAU KINI BERADA DI PENJARA PUDU SEMENTARA MENUNGGU PERBICARAAN PADI 11 OKTOBER.

ADALAH DIPERCAYAI BAHAWA BELIAU TELAH DINASIHATKAN BAHAWA JIKA BELIAU BERSARA BEKARANG, KELUARGANYA AKAN MENERIMA PENCEN BIASA DAN GRATUITI. -- BERNAMA 1508/AZ